

Datuk Harun terkenang banduan2 di penjara

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Harun Idris yang dibebaskan Sabtu lalu masih terkenang mereka yang tinggal dalam penjara.

"Saya terkenang mereka yang masih berada dalam penjara. Saya tidak dapat bayangkan bagaimana mereka meraikan hari tersebut," beliau memberitahu semalam.

Mengingatnkan kembali tiga kali Hari Raya di Penjara Pudu, Datuk Harun memberitahu, di Hari Raya pertama dimulakan dengan sem-

bahyang sunat Aidilfitri.

"Sebagaimana perayaan lain, kami diberi makanan tambahan termasuk kek, aiskerim dan dua batang rokok."

Beliau memberitahu lagi, di sebelah petang, nasi minyak disajikan.

Datuk Harun seterusnya berkata, perayaan begini banduan mempunyai masa rihat yang lebih sedikit.

"Kami akan dimasukkan ke dalam bilik tahanan lebih awal kerana tidak ramai warder bertugas."

Sambil melihat jam tangannya (kira-kira pukul 1.00 tengah hari ketika itu), beliau berkata, "saya fikir mereka tentu dikunci sekarang dan dibenar keluar kemudian hingga jam 4.00 petang."

Datuk Harun yang dapat berhari raya sebagai seorang bebas berikutan pemendekan tempoh tahanannya oleh Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan, mengunjungi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Negara untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya.

Beliau turut hadir di rumah terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Beliau kemudian pulang ke rumahnya di Taman Duta untuk menerima tetamu yang menunggu di rumah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia